

27/11/1997

Hubungan udara bantu dagangan

Azhar Abu Samah in Croatia

CROATIA atau Hrvatska (dalam ejaan Croatia) adalah baru bagi Malaysia iaitu hanya sejak tiga tahun kebelakangan ini. Jumlah dagangan Malaysia-Croatia mula meningkat sejak lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, April tahun lalu, iaitu daripada RM20.82 juta (AS\$6.31) juta pada 1995 kepada RM33.9 juta (AS\$10 juta) tahun lalu.

"Malaysia dan Croatia sudah memeterai perjanjian perdagangan pada 1995 dan ketika ini, kedua-dua pihak akan menyelesaikan perbincangan mengenai perjanjian cukai berganda," kata Penolong Menteri Ekonomi Croatia, Neven Mimica di Zagreb, baru-baru ini.

Eksport Malaysia ke Croatia dijangka meningkat sekali ganda daripada RM23.1 juta (AS\$7 juta) tahun lalu kepada RM49.5 juta (AS\$15 juta) tahun ini.

Mimica mengakui perdagangan di antara kedua-dua negara ketika ini memihak kepada Malaysia dan negaranya akan memastikan imbangan tidak adil itu dapat diperbaiki selepas Penerbangan Malaysia (MAS) memperkenalkan laluan baru ke Zagreb melalui Vienna, mulai awal bulan ini.

MAS mencatatkan sejarah apabila menjadi syarikat penerbangan pertama dari Asia Pasifik yang menawarkan perkhidmatan ke Croatia.

Serentak dengan ketibaan penerbangan sulung membawa 125 penumpang melalui sektor Kuala Lumpur-Vienna-Zagreb di lapangan terbang Zagreb, kira-kira jam 8.10 pagi waktu tempatan (2.10 pagi waktu Malaysia) pada 30 Oktober lalu, satu majlis memeterai perjanjian perkongsian kod dengan Croatia Airlines turut diadakan.

Pesawat Super Ranger 777-200 itu berlepas dari Kuala Lumpur kira-kira jam 1 pagi, 29 Oktober, dengan diketuai Naib Presiden Kanan (Operasi Penerbangan), Dr Mohamadon Abdullah itu turut disertai ejen pelancongan, wakil media, jemputan dan penumpang komersil.

Ketika ini, Croatia hanya mengeksport keluarannya bernilai kira-kira RM16.5 juta (AS\$5 juta) tahun lalu, akan meningkatkan eksport peralatan elektrik, bahan binaan, produk farmaseutikal dan perkhidmatan ke Malaysia, mulai akhir tahun ini.

Croatia mengimport kebanyakannya produk berasaskan getah, elektrik, elektronik, pendingin hawa, kereta nasional Proton dan tekstil dari Malaysia.

Mimica mengakui Malaysia sebagai rakan kongsi perdagangan penting Croatia ketika ini bagi membolehkan negaranya menembusi pasaran Asia Timur dan menjalinkan perkongsian strategik dengan syarikat Malaysia di negara ketiga.

Beliau berkata, Croatia bermatlamat meningkatkan hubungan dagang secara jangka panjang dengan usahawan Malaysia terutama dengan menjadikan Croatia sebagai pangkalan operasi mereka untuk menembusi pasaran Eropah Tengah dan Eropah Timur.

"Croatia menawarkan diri sebagai pintu masuk ke pasaran Eropah dan sedia menawarkan zon perdagangan dan kemudahan pergudangan kepada usahawan Malaysia yang berminat melabur di negara ini," katanya.

Beliau berkata, perkhidmatan terus MAS Kuala Lumpur-Vienna-Zagreb dua kali seminggu yang bermula awal bulan ini dilihat sebagai pembuka ruang kepada pelabur dari kedua-dua negara untuk menggiatkan peluang pelaburan di Kuala Lumpur dan Zagreb.

Croatia juga katanya, mempelawa pelabur Malaysia menjalinkan usaha sama dalam sektor pelancongan di negara itu terutama dalam membina semula hotel

atau meningkatkan kemudahan hotel di 1,185 pulau di sekitar Laut Adriatik.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan (Operasi Penerbangan), Dr Mohamadon Abdullah memberitahu sekumpulan wartawan Malaysia yang mengikuti penerbangan sulung MAS ke Zagreb, hubungan pengangkutan udara antara Croatia dan Malaysia dijangka membantu meningkatkan hubungan dua hala, terutama dalam perdagangan di antara Kuala Lumpur dan Zagreb.

"Pengenalan perkhidmatan ini akan mengukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin, terutama di sektor pelancongan bagi kepentingan bersama."

"Perkhidmatan itu juga akan memudahkan hubungan rakyat Croatia yang ingin melawat saudara-mara mereka di Australia dan New Zealand," katanya.

Beliau berkata, MAS sebagai syarikat penerbangan nasional akan meluaskan perkhidmatan ke seluruh dunia untuk memastikan hasrat menjadi syarikat utama di dunia dicapai, selaras dengan wawasan negara.

Ketika ini MAS sudah memberikan perkhidmatan kepada enam benua dan berhasrat meneruskan usaha itu berasaskan konsep dunia tanpa sempadan. MAS mula berunding mendapatkan hak pendaratan di Zagreb sejak 1994.

Perkongsian kod di antara MAS dan Croatia Airlines bagi laluan Zagreb-Vienna di Austria, menandakan bermula kerjasama di antara syarikat penerbangan kebangsaan kedua-dua negara terbabit.

Mengikut perjanjian, Croatia Airlines memajakkan 60 tempat duduk kepada MAS bagi laluan Zagreb-Vienna-Zagreb, menggunakan pesawat MAS yang beroperasi dua hari seminggu iaitu Rabu dan Jumaat.

MAS dan Croatia Airlines bakal memeterai satu lagi perjanjian kerjasama tidak lama lagi yang membabitkan tawaran kadar tambang istimewa.

Perjanjian yang dinamakan Special Pro-Rate Agreement itu yang kini masih dalam perbincangan membolehkan penumpang yang menggunakan khidmat MAS dan Croatia melalui Kuala Lumpur ke destinasi di Timur Jauh, Australia dan New Zealand diberikan kadar tambang menarik dan perkhidmatan memuaskan.

Sebelum ini, ketika lawatan Dr Mahathir ke negara itu April tahun lalu, lima Memorandum Persefahaman, tiga instrumen perjanjian dan satu perjanjian usaha sama ditandatangani.

Kereta nasional, Proton juga menembusi pasaran Croatia dengan eksport pertama 200 kereta ke Niva Holdings, iaitu pengedar Proton di Croatia.

Syarikat Malaysia yang lain termasuk South Vest and Diversified Resources Corporation Bhd juga memeterai memorandum persefahaman dalam sektor binaan, pengedaran dan bank di negara itu.

Kuala Lumpur dan Zagreb juga menandatangani perjanjian pemansuhan sebahagian daripada keperluan visa tahun lalu bagi membolehkan rakyat kedua-dua negara mengadakan perjalanan 30 hari tanpa visa.